

KAJIAN TERHADAP KEBOLEHGUNAAN AKAUN INSTAGRAM HAKAZA SUNNAH BERDASARKAN PERSPEKTIF PENSYARAH UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

**A STUDY ON THE USABILITY OF THE HAKAZA SUNNAH
INSTAGRAM ACCOUNT FROM THE PERSPECTIVE OF LECTURERS
AT UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

Nurul Azwalina Azman¹

Siti Mardhiah Hassan²

Khairunnisa Khairudin³

Syed Najihuddin Syed Hassan (Corresponding Author)⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: nurulazwalina01@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: mardhiahassan27@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: nisakhrdn@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-5-2024

Revised date : 8-5-2024

Accepted date : 11-7-2024

Published date : 15-7-2024

To cite this document:

Azman, N. A., Hassan, S. M., Khairudin, K., & Syed Hassan, S. N. (2024). Kajian terhadap kebolehgunaan akaun Instagram Hakaza Sunnah berdasarkan perspektif pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7 (12), 116 - 129.

Abstrak: Dalam era teknologi yang berkembang pesat, masyarakat sering menggunakan internet untuk mendapatkan sesuatu maklumat, khususnya berkaitan hadith. Salah satu platform yang digunakan untuk memperolehi maklumat tersebut adalah akaun Instagram Hakaza Sunnah. Justeru itu, kajian ini adalah berkaitan kebolehgunaan akaun Instagram Hakaza Sunnah berdasarkan perspektif pensyarah USIM. Instagram Hakaza Sunnah merupakan satu platform yang beroperasi mengetengahkan pembelajaran ilmu Hadith dan Sunnah Nabi SAW kepada masyarakat di Malaysia. Akaun ini dilengkapi dengan penerangan dan nombor bagi sesuatu hadith. Hal yang demikian dapat membantu masyarakat memahami hadith tersebut dengan lebih mendalam. Namun, akaun Instagram ini tidak begitu terkenal dalam kalangan pensyarah USIM dan maklumat yang dikongsikan tidak dapat dikenalpasti kesahihannya. Selain itu, keberkesanan kaedah penyampaian yang digunakan berdasarkan perspektif pensyarah USIM juga tidak diketahui. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan memberikan pendedahan mengenai akaun Instagram Hakaza Sunnah kepada pensyarah USIM, menganalisis kesahihan maklumat yang dikongsi serta mengkaji kelebihan dan kekurangan kaedah penyampaian yang digunakan oleh akaun tersebut menurut perspektif golongan

professional dari USIM. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah wawancara di mana perkara tersebut dilakukan terhadap individu yang terlibat seperti pensyarah-pensyarah USIM dan pemilik akaun Instagram Hakaza Sunnah. Hasil kajian ini mendapati bahawa akaun Instagram Hakaza Sunnah menggunakan format penulisan serta video yang ringkas dan mudah untuk difahami dalam berkongsi dan menyebarkan maklumat mengenai ilmu hadith di media sosial terutamanya di Instagram. Kesimpulannya, akaun Instagram Hakaza Sunnah adalah salah satu akaun yang mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat, terutamanya dalam bidang hadith. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat membantu masyarakat untuk mempelajari hadith dengan baik melalui media sosial, khususnya Instagram.

Kata Kunci: *Hakaza Sunnah, Instagram, Hadith, Pensyarah USIM*

Abstract: *In an era of rapid technological advancement, people often use the internet to access information, especially related to hadith. One of the platforms used to obtain such information is the Instagram account "Hakaza Sunnah." Therefore, this study is related to the usability of the Hakaza Sunnah Instagram account from the perspective of lecturers at USIM. Hakaza Sunnah's Instagram account operates by presenting learning about the knowledge of Hadith and the Sunnah of the Prophet SAW to the Malaysian community. This account is equipped with explanations and numbers for various hadith, which can help people to have a deeper understanding of them. However, this Instagram account is not widely known among USIM lecturers, and the authenticity of the information shared cannot be confirmed. Additionally, the effectiveness of the delivery methods used, from the perspective of USIM lecturers, is also unknown. Therefore, this study aims to introduce the Hakaza Sunnah Instagram account to USIM lecturers, analyze the authenticity of the shared information, and assess the strengths and weaknesses of the delivery methods used by the account, according to the perspectives of professionals from USIM. This study employs a qualitative research method, including interviews conducted with individuals involved, such as USIM lecturers and the owner of the Hakaza Sunnah Instagram account. The findings of this study indicate that the Hakaza Sunnah Instagram account uses a concise and easily understandable format for written content and videos when sharing information about the knowledge of Hadith on social media, especially on Instagram. In conclusion, the Hakaza Sunnah Instagram account is one of the platforms capable of contributing to the community, particularly in the field of Hadith. Therefore, it is hoped that this study will assist the public in learning about Hadith effectively through social media, especially on Instagram.*

Keywords: *Hakaza Sunnah, Instagram, Hadith, USIM Lecturers*

Pengenalan

Pada masa kini, media sosial menjadi medium utama bagi masyarakat untuk mendapatkan sesuatu maklumat, menyertai dan mencipta isi melalui wiki blog, Instagram dan sebagainya. Selain itu, masyarakat juga menggunakan media sosial untuk mendalam pelbagai jenis ilmu pengetahuan, contohnya ilmu berkaitan hadith. Justeru itu, akaun Instagram Hakaza Sunnah merupakan salah satu medium yang membolehkan penggunaannya untuk mencari maklumat berkaitan hadith secara percuma. Pengasas bagi akaun Instagram ini merupakan salah seorang alumni dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) iaitu Muhammad Irfhan Fitri bin Romzee. Beliau merupakan Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah pada tahun 2019/2020 dan kini beliau berkhidmat sebagai seorang guru di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi SUBA. Matlamat utama akaun ini diwujudkan adalah untuk memberi maklumat berkaitan ilmu hadith kepada masyarakat awam dalam pelbagai bentuk.

Menurut Ghouri (2017), ilmu hadith sangat penting kerana ia merupakan sumber kedua dalam Islam selepas al-Quran. Ia diumpamakan sebagai huraian dan tafsiran bagi al-Quran. Dari sudut yang lain, hadith juga memiliki keutamaan tertentu, ia adalah satu-satunya sumber bagi mengetahui sirah Nabi SAW, kata-kata Baginda, perbuatan, kebiasaan, keindahan penciptaan jasad dan akhlak Nabi SAW. Menurut Zharif Farhan (2023), ilmu hadith memainkan peranan yang sangat penting dalam perundangan Islam sehingga digunakan oleh ulama-ulama mujtahid pada zaman sahabat sehingga zaman kini bagi menyelesaikan masalah ummah dalam ilmu fekah. Ini bermaksud, apabila kita menerima al-Quran sebagai suatu kewajiban, maka menerima ilmu hadith juga adalah kewajiban di dalam Islam serta kedua-duanya mestilah seiring sebagai rujukan dan panduan hidup kerana keduanya merupakan sumber kehidupan umat Islam. Oleh itu, ilmu ini seharusnya disebarluaskan secara meluas kepada masyarakat awam.

Di samping itu, Hakaza Sunnah bukan sahaja menggunakan Instagram sebagai medium untuk menyebarkan ilmu hadith bahkan mereka turut menggunakan akaun facebook dan twitter dalam menarik minat pengguna untuk mempelajari ilmu tersebut. Oleh hal yang demikian, pengkaji memilih akaun Instagram Hakaza Sunnah sebagai kajian mereka kerana masyarakat awam pada masa kini khususnya golongan muda lebih banyak menghabiskan masa dengan melayari Instagram berbanding facebook dan twitter. Berdasarkan penelitian secara langsung, pengkaji mendapati bahawa akaun Instagram tersebut tidak begitu terkenal dalam kalangan pensyarah USIM dan maklumat yang dikongsikan tidak dapat dikenalpasti kesahihannya. Seterusnya, keberkesanan kaedah penyampaian yang digunakan berdasarkan perspektif pensyarah USIM juga tidak diketahui. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan memberikan pendedahan mengenai akaun Instagram Hakaza Sunnah kepada pensyarah USIM, menganalisis kesahihan maklumat yang dikongsi serta mengkaji kelebihan dan kekurangan kaedah penyampaian yang digunakan oleh pengasas akaun tersebut menurut perspektif golongan professional dari USIM.

Kajian Literatur

Pengajian Ilmu Mengenai Islam dalam Media Sosial/ Laman Web/Aplikasi

Kajian tentang pengajian ilmu mengenai islam dalam media sosial, laman web atau aplikasi telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dari pelbagai bidang sebelum ini. Antara kajian yang telah ditemukan adalah “Pemanfaatan Media Sosial sebagai Dakwah Digital dalam Penyiaraan Agama Kalangan Kaum Milenial di Instagram Ustadz Hanan Attaki” oleh Nikita et al. (2023). Hasil penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa Ustaz Hanan Attaki, seorang penyiar agama di Instagram di kalangan generasi milenial menggunakan media sosial sebagai platform untuk berdakwah secara digital melalui pelbagai inisiatif, seperti penyiaran agama,

mempromosikan penyebaran dakwah Islam, menggunakan media sebagai alat motivasi dan pendidikan, serta menyertai kempen dakwah media.

Selain itu, Faradillah (2015) juga telah membuat penyelidikan mengenai “Penerimaan Media Sosial sebagai Medium Dakwah dalam Kalangan Mahasiswa KUIS”. Objektif kajian tersebut dilakukan adalah untuk melihat hubungan antara media sosial dan penyebaran mesej di mana hasil yang diperoleh adalah wujudnya hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dan penyebaran dakwah Islamiah dalam kalangan mahasiswa, impak yang positif diterima oleh mahasiswa melalui penggunaan media sosial.

Seterusnya, kajian mengenai “Persepsi dan Pengaruh Belajar Ilmu Agama Islam Melalui Sosial Media Youtube Dan Instagram Terhadap Religiositas Mahasiswa Jurusan Pendidikan Biologi UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta” oleh Shelly (2022). Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk menentukan jenis kandungan (media sosial) yang sering digunakan untuk memperoleh pengetahuan agama Islam. Hasil penyelidikannya mendapati bahawa pelajar sering menggunakan laman sosial seperti YouTube dan Instagram untuk mengakses kandungan yang boleh mengukuhkan iman dan pemahaman mereka tentang ilmu agama Islam dengan tujuan mempelajari agama Islam.

Di samping itu, mahasiswi-mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Nur Muazzah et al. (2023) juga telah membuat kajian tentang ilmu mengenai Islam di media sosial iaitu yang berjudul “Pembelajaran Ilmu Tajwid Melalui Laman Instagram @hazwaniche”. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melakukan penelitian terhadap akaun instagram @hazwaniche dalam menyampaikan ilmu tajwid. Para pengkaji melakukan kajian ini dari sudut cara penyampaian dan cabaran pemilik akaun instagram @hazwaniche dalam menyampaikan ilmu tajwid serta kandungan yang terdapat dalam akaun instagram tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa akaun instagram @hazwaniche menggunakan sistem format video, audio, gambar serta kapsyen dalam memanfaatkan Instagram sebagai media untuk menyampaikan ilmu tajwid.

Pengajian Hadith di Media Sosial/ Laman Web/Aplikasi

Kajian terhadap pengajian hadith di media sosial, laman web atau aplikasi juga telah banyak dijalankan pada masa kini. Sebagai contoh, kajian yang bertajuk “Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajaran Quran dan Sunah, USIM”. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan sejauh mana dorar.net melaksanakan analisis, klasifikasi, dan penilaian hadis. Pengkaji juga cuba menyiasat konteks sejarah laman web, menilai sejauh mana halaman tersebut digunakan sebagai alat pengajaran dalam pedagogi, menilai sejauh mana kebolehpakaiannya, dan mengkaji kelebihan dan kekurangan laman web tersebut. Selain mudah diakses, kajian ini mengesahkan bahawa pelajar yang menggunakan dorar.net kurang menghabiskan masa dan wang untuk mempelajari serta menganalisis hadis. Kajian ini juga menentukan kelemahan penggunaan dorar.net; sebenarnya, menentukan akar morfologi perkataan Arab sebelum memulakan carian pada hadis tertentu adalah satu usaha yang mencabar. Dalam beberapa situasi, halaman tersebut kurang menyediakan maklumat komprehensif mengenai butiran penerbitan hadis.

Di samping itu, Mohammad Hidayaturrahman dan D.I. Ansusa Putra telah membuat kajian mengenai “The Role of Technology and Social Media in Spreading the Quran and Hadith by Mubaligh” untuk mengetahui bagaimanakah peranan teknologi dan media sosial dalam penyebaran Al-Quran dan hadis oleh mubaligh. Hasilnya, pengkaji telah menemukan bahawa

para pendakwah menggunakan teknologi dan media sosial untuk tujuan dakwah, termasuk berkomunikasi dengan jemaah, membaca rujukan agama, menyimpan bahan dakwah, dan menggunakan aplikasi untuk mengingatkan ayat atau hadis yang terlupakan semasa ceramah.

Seterusnya, Nur Ainul Mardhiah et al. (2023) juga turut melakukan kajian mengenai pengajian hadith di sebuah aplikasi yang bertajuk, “Keberkesanan Aplikasi Jami’ Al-Kutub At-Tis’ah dalam Kajian Hadis di Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)”. Kajian ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang cara penggunaan aplikasi Jami’ al-Kutub Tis’ah dalam kajian hadis di samping mengukur tahap kekerapan penggunaannya. Selain itu, kajian ini dilakukan juga bertujuan mengenalpasti tahap keberkesanan aplikasi ini kepada pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Justeru itu, hasil kajian mendapati bahawa penggunaan aplikasi Jami’ al-Kutub al-Tis’ah mampu mempengaruhi persepsi atau pemahaman pengguna terhadap kajian hadis. Walaubagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa kemudahan dan aplikasi dalam talian yang dibangunkan juga terdapat kekurangannya. Sebagai contoh, bagi aplikasi Jami’ Al-Kutub At-Tis’ah, kemungkinan setiap hadis tidak mempunyai tahap kesahihan yang sama.

Selanjutnya, kajian berkaitan kandungan Al-Quran dan hadis di TikTok turut dilakukan. Dalam kajian artikel yang bertajuk “Kandungan Al-Quran dan Hadis di TikTok: Tinjauan Persepsi Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM” penulis memfokuskan tahap kesesuaian aplikasi TikTok sebagai medium dakwah bagi menyampaikan sesuatu maklumat sama ada berkenaan sesuatu hukum atau menyampaikan potongan ayat Al-Quran atau hadis di TikTok. Seterusnya, kajian ini membincangkan nilai-nilai yang perlu ada pada pendakwah serta kelebihan dan kelemahan dalam menggunakan TikTok sebagai medium dakwah. Justeru itu, hasil dapatan bagi kajian ini adalah para pendakwah yang menyampaikan sesuatu maklumat perlu menitikberatkan kesahihan sumber maklumat sebelum ingin menyampaikannya di TikTok.

Menurut Nur Syazwani et al. (2023) dalam kajian mereka yang berjudul “Kajian Kesahihan Hadith dalam Aplikasi Tiktok”, status hadis di aplikasi TikTok adalah terdiri daripada *sahih, hasan, dhaif* dan *maudu’*. Justeru itu, para penulis bagi kajian ini memberikan nasihat kepada para pengguna media sosial agar perlu berhemah dalam menyebar dan menerima hadis beserta ilmunya di aplikasi TikTok. Selain itu, pengguna perlu memastikan status hadis terlebih dahulu dan menerima video pengajaran hadis setelah diteliti kesahihan hadis tersebut sebelum dipraktiskan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, terdapat juga kajian tentang pengajian hadith yang disampaikan oleh agamawan tempatan di media sosial iaitu bertajuk “Pengajian Hadis 40 Melalui Saluran Youtube oleh Dr Rozaimi Ramlee”. Kajian ini dilakukan oleh beberapa orang mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Muhammad Naqib et al. (2023). Ia bertujuan untuk menganalisis pengajian hadis 40 karangan Imam An-Nawawi yang disampaikan oleh Dr Rozaimi Ramlee. Lantaran itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa pengajian hadis 40 oleh Dr Rozaimi melalui saluran Youtube menepati kaedah dan disiplin dalam mensyarahkan hadis. Selain itu, hasil kajian ini turut mendapati bahawa bentuk penyampaian Dr Rozaimi Ramlee dalam mensyarahkan hadis adalah berkualiti dan menepati disiplin ilmu kerana beliau telah mensyarahkan hadis 40 dengan ayat al-Quran, hadis-hadis dan kata-kata ulama’.

Selain itu, terdapat juga kajian mengenai pengajian hadith yang disampaikan oleh agamawan antarabangsa iaitu Ustaz Hanan Attaki yang berjudul “Sumbangan Ustaz Hanan Attaki berkaitan Hadith Melalui Media Sosial Aplikasi Youttube”. Kajian ini telah dilakukan oleh mahasiswi-mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Aina Najihah et al. (2023). Para penulis membuat kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan Ustaz Hanan Attaki berkaitan hadith melalui aplikasi youtube. Lantaran itu, hasil kajian ini mendapatkan bahawa hampir kesemua responden berpendapat mengenai kredibiliti Ustaz Hanan Attaki yang dapat mengubah fikiran serta tanggapan bahawa manusia bukan hanya menjadi lebih positif malah dapat mengamalkan hadis dalam kehidupan sehari-hari.

Pada zaman globalisasi ini, semestinya terdapat cabaran-cabaran dalam pemeliharaan sesebuah hadith yang telah disebarluaskan serta dikongsikan melalui internet. Justeru itu, Shahril Nizam et al. (2021) telah membuat kajian yang berjudul “Pemeliharaan Hadis dalam Era Revolusi 4.0 (IR 4.0): Isu dan Cabaran”. Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk menghuraikan isu dan cabaran pemeliharaan hadis dalam rangka penyampaian dan penyebarannya dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Hasil kajian ini mendapatkan bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu diambil perhatian iaitu terdapat penyebaran hadis palsu (*hadis maudhu'*), doktrin golongan anti hadis dalam mencipta kekeliruan terhadap hadis, salah faham khabar Isra'iliyat dalam penafsiran maksud hadis, serangan jenayah siber terhadap matan hadis serta kelemahan ketika proses pemindahan data hadis ke dalam bentuk visual digital.

Pengajian Hadith di Instagram

Kini, kajian yang memfokuskan tentang pengajian hadith di Instagram secara khusus seperti penulisan yang dibuat oleh Uswatun Hasanah (2023) yang mempunyai matlamat untuk meneliti usaha yang dilakukan oleh Instagram dalam mengekalkan kesahihan Hadis di media sosial di bawah kajian yang bertajuk “Study of Instagram's Efforts to Maintain Hadith Authenticity on Media Social”. Pusat pemerhatian bagi penyelidikan ini adalah akaun Instagram @hadis_dhaif. Kajian ini mendapatkan bahawa kaedah yang diaplikasikan oleh akaun Instagram tersebut untuk mengekalkan kesahihan hadis Rasulullah adalah berkesan, tetapi tidak semua pengguna menggunakan Instagram untuk mendapatkan maklumat.

Menurut Annisa et al. (2023) melalui kajian mereka iaitu “The Influence of Instagram-Based Digital Literacy and Learning Interest on Learning Outcomes in the Subject of Al-Qur'an and Hadith”, literasi digital berdasarkan Instagram memberi impak yang signifikan terhadap hasil pembelajaran pelajar di Madrasah Tsanawiyah Maura El-Mumtaz Binjai dalam mata pelajaran Al-Qur'an dan Hadis sebanyak 15.4%, manakala minat pelajar dalam pembelajaran juga mempengaruhi hasil ini sebanyak 30.1%.

Kelayakan Pensyarah USIM dalam Pengajian Hadith

Di dalam kajian ini, kelayakan pensyarah-pensyarah USIM dalam pengajian hadith juga adalah antara isu yang dititikberatkan kerana mereka akan menilai hadith-hadith yang dikongsi di akaun Instagram Hakaza Sunnah tersebut. Oleh itu, terdapat beberapa kajian lepas yang berkait dengannya seperti “Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Ulum Hadith di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)”. Ia mengkaji sistem pengajaran dan pembelajaran kursus Ulum Hadith di IPTA/S Awam di Malaysia seperti USIM. Hasil kajian tersebut mendapatkan bahawa persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus Ulum Hadith mencapai tahap skor min yang tinggi menunjukkan bahawa pensyarah pengajian

hadith di USIM bukanlah calang-calang orangnya dan mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui wawancara pensyarah-pensyarah USIM dan pemilik akaun Instagram Hakaza Sunnah. Hal ini bagi mendapatkan beberapa maklumat berkaitan akaun Instagram tersebut. Wawancara tersebut dijalankan secara bersemuka kepada pensyarah-pensyarah USIM manakala bagi pemilik akaun Instagram Hakaza Sunnah dijalankan secara maya iaitu melalui mesej. Kami memilih tiga orang pensyarah fakulti quran dan sunnah iaitu Dr Amiruddin Mohd. Sobali, Dr Helimy Aris dan Dr Norzulaili Mohd Ghazali serta dua orang pensyarah fakulti sains dan teknologi iaitu Prof Madya Dr Sakinah Ali dan Dr Azuan Ahmad bagi melengkapkan kajian kami.

Dapatan Kajian

Keberkesanan Akaun Instagram Hakaza Sunnah dalam Menyampaikan Nilai-Nilai Sunnah kepada Mahasiswa

Setiap platform yang dibina atas dasar menyebarkan ilmu pengetahuan semestinya mendarangkan faedah serta kebaikan dengan berkesan kepada para pengguna dan pengikut platform tersebut, seperti akaun Instagram Hakaza Sunnah. Akaun Instagram Hakaza Sunnah telah mencapai keberkesanan yang baik dalam menyampaikan nilai-nilai sunnah kepada para pengikut akaun tersebut. Ia amat menarik minat para pengikut akaun tersebut untuk mengetahui mengenai hadith dan Ulum Hadith kerana gaya penyampaiannya adalah amat mudah untuk difahami serta terdapat poster yang menarik untuk ditonton. Namun, jika ia dipaparkan kepada golongan yang sememangnya berada dalam bidang pengajian hadith, akaun Instagram Hakaza Sunnah itu terlihat biasa sahaja kerana maklumatnya yang dipersembahkan hanyalah ringkas sahaja. Walaubagaimanapun, maklumat mengenai hadith atau Ulum Hadith pada akaun tersebut boleh dijadikan nota kepada mahasiswa. Tambahan pula, ia juga boleh menambahkan ilmu pengetahuan mengenai hadith kepada mahasiswa yang mempunyai keterbatasan untuk mengetahui banyak hadith secara fizikal, justeru mereka boleh melihat hadith melalui platform digital seperti akaun Instagram Hakaza Sunnah.

Tahap Kepercayaan Akaun Instagram Hakaza Sunnah dalam Menyampaikan Informasi Berkaitan dengan Hadith

Menurut sebahagian golongan intelektual Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu beberapa orang pensyarah dari Fakulti Pengajian Quran Sunnah (FPQS), akaun Instagram Hakaza Sunnah adalah satu sumber dan platform digital yang boleh dipercayai dalam menyampaikan informasi berkaitan dengan hadith. Dikatakan bahawa ia boleh mencapai sehingga 99% tahap kepercayaan sumber mengenai hadith atau maklumat Ulum Hadith yang telah disampaikan. Hal ini demikian kerana dengan melihat latarbelakang pengelola akaun Instagram Hakaza Sunnah tersebut, beliau merupakan seorang figura yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajian dan pengurusan hadith. Selain itu, akaun Instagram Hakaza Sunnah juga dilihat boleh dipercayai kerana ia menyatakan sumber yang *muktabar* iaitu lebih banyak mengambil hadith daripada *kutub sittah* dan pihak Instagram Hakaza Sunnah juga bersifat amanah iaitu mentakhrijkan hadith dalam penyampaiannya. Walaubagaimanapun, akaun Instagram Hakaza Sunnah juga dilihat boleh dipercayai untuk sandaran sementara sahaja. Jika untuk mengetahui sumber atau status hadith secara pasti, ia tidak memadai dengan hanya menggunakan platform seperti instagram ini.

Kelemahan atau Kekurangan Akaun Instagram Hakaza Sunnah dalam Menyampaikan Informasi, Terutamanya Berkaitan Hadith

Setiap perkara yang dilakukan terdapat kekurangannya, terutamanya satu perkara yang dibangunkan oleh golongan muda seperti akaun Instagram Hakaza Sunnah. Terdapat beberapa kelemahan atau kekurangan akaun Instagram tersebut dalam menyampaikan informasi, terutamanya berkaitan hadith. Antaranya ialah terdapat kesalahan pada poster Ulum Hadith. Maklumat mengenai Ulum Hadith haruslah ditulis serta disiarkan dengan info yang tepat kerana ia adalah satu ilmu yang mulia dan penting kepada orang yang beragama islam khususnya.



Gambar 1: Contoh Poster Ulum Hadith di Akaun Instagram Hakaza Sunnah

Selain itu, akaun Instagram Hakaza Sunnah juga turut tidak meletakkan beberapa elemen penting dalam hadith seperti teks atau matan dalam Bahasa Arab pada poster. Ia dilihat akaun tersebut hanya meletakkan terjemahan sahaja pada poster. Seterusnya, perawi *a'la* juga tidak disebut dalam penyampaian hadith pada akaun Instagram Hakaza Sunnah tersebut. Bahkan, ada kalanya terdapat huraian kepada sesebuah hadith, dan ada kalanya tiada huraian mengenai sesebuah hadith itu. Tambahan pula, ia juga tidak menyatakan status hadith selain hadith yang diriwayatkan daripada kitab *Sahih Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Hal ini dilihat tidak mencukupi disiplin ilmu hadith yang sempurna dan lengkap.



Gambar 2: Contoh Poster Hakaza Sunnah yang Tidak Mempunyai Elemen-Elemen Penting dalam Hadith

Di samping itu, pihak akaun Instagram Hakaza Sunnah tidak mengklafikasikan kepada topik-topik tertentu. Justeru itu, sekiranya pengikut akaun tersebut ingin melihat kepada satu-satu topik tertentu, mereka tidak dapat berbuat demikian, kerana akaun ini lebih kepada berkongsi mengikut isu semasa kebanyakannya. Akaun Instagram Hakaza Sunnah tidak dapat membantu dijadikan sebagai rujukan dalam tugas, terutamanya dalam penyelidikan, akan tetapi ia boleh dijadikan sebagai rujukan untuk orang awam.

Perbezaan antara Akaun Instagram Hakaza Sunnah dan Akaun Instagram Semak Hadis dalam Menyampaikan Ilmu Hadith.

Hasil daripada menemu ramah beberapa orang pensyarah USIM berkaitan hal ini, didapati bahawa akaun Instagram Hakaza Sunnah merupakan platform yang sesuai bagi orang awam yang tiada asas dalam bidang hadith manakala sasaran bagi akaun Instagram Semak Hadis adalah mereka yang mempunyai asas dalam bidang hadith. Hal yang demikian kerana isi yang dikongsikan begitu padat dan ringkas berbanding akaun Instagram Semak Hadis. Menurut beberapa orang pensyarah USIM iaitu Dr Amiruddin dan Dr Helimy mengatakan bahawa akaun Instagram Hakaza Sunnah hanya mengeluarkan hadith-hadith yang shahih sahaja manakala akaun Instagram Semak Hadis mengandungi koleksi lebih 14,000 hadis lemah dan hadis palsu. Di samping itu, menurut beliau pengasas kepada akaun Instagram Hakaza Sunnah merupakan alumni USIM dari fakulti quran dan Sunnah manakala bagi akaun Instagram Semak Hadis mereka terdiri daripada agamawan yang luas ilmunya dalam bidang hadith.

Seterusnya, hasil menemu bual Dr Helimy dan Dr Amiruddin, didapati bahawa akaun Instagram Hakaza Sunnah lebih menarik dari sudut penyampaiannya kerana masyarakat pada zaman sekarang lebih tertarik kepada sesuatu yang ringkas. Walaupun begitu, akaun tersebut tidak memaparkan matan hadith dalam bahasa arab. Hal yang demikian boleh mendatangkan kekeliruan kepada pelajar dalam mencari status sesuatu hadith manakala akaun Instagram Semak Hadis disertai dengan matan dalam bahasa arab dan bahasa melayu. Selain itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa akaun Instagram Hakaza Sunnah kurang dikenali dalam kalangan pensyarah USIM berbanding akaun Instagram Semak Hadis. Hal yang demikian kerana Semak Hadis mempunyai beberapa platform lain seperti website, aplikasi, facebook dan lain-lain manakala Hakaza Sunnah agak terbatas kepada media sosial seperti facebook, Instagram dan Twitter. Justeru itu, akaun Instagram Hakaza Sunnah susah untuk diakses bagi mereka yang tidak mempunyai media sosial. Menurut Dr Zulaili, akaun Instagram Hakaza Sunnah tidak menyatakan status hadith manakala akaun Instagram Semak Hadis dinyatakan status tersebut serta turut dipaparkan sumber rujukan bagi sesuatu hadith.



Gambar 3: Contoh Poster Matan Hadith di Akaun Instagram Hakaza Sunnah



Gambar 4: Contoh Poster Matan Hadith di Akaun Instagram Semak Hadis

Cadangan atau Saranan kepada Pengasas Akaun Instagram Hakaza Sunnah.

Antara cadangan yang diberikan oleh pensyarah USIM kepada pengasas akaun Instagram Hakaza Sunnah adalah pengasas akaun tersebut hendaklah memperbetulkan kesalahan yang telah disebut pada bahagian kelemahan atau kekurangan akaun Instagram Hakaza Sunnah dalam menyampaikan Informasi, terutamanya berkaitan Hadith. Contohnya pengasas hendaklah menambah status hadith serta perawi *a'la* pada poster yang dikongsikan. Selain itu, pengasas akaun tersebut disarankan agar tidak menyebarkan sesuatu ilmu terlebih dahulu sebelum disemak oleh seseorang yang lebih pakar dalam ilmu tersebut. Di samping itu, pengasas juga disarankan untuk mengekalkan momentum yang sedia ada serta berterusan dalam menyampaikan ilmu hadith melalui media sosial.

Pengasas akaun tersebut hendaklah membuat beberapa video ringkas berkisar tentang ilmu hadith bagi menarik minat masyarakat awam untuk mengetahui tentang ilmu tersebut. Seterusnya, Dr Helimy menyarankan agar pengasas akaun tersebut membuat pengkategorian mengikut topik bagi memudahkan orang awam untuk mencari sesuatu hadith. Dr Zulaili turut menyarankan agar kerja-kerja sedemikian dilaksanakan secara berkumpulan bagi memudahkan proses dalam menyampaikan sesuatu ilmu berkaitan hadith. Hal yang demikian kerana akaun Instagram Hakaza Sunnah ini dibangunkan oleh seorang alumni USIM dari FPQS iaitu Muhammad Irfhan Fitri bin Romzee dan agak sukar bagi beliau untuk mengendalikan akaun tersebut secara berseorangan.

Tahap Keberkesanan Penggunaan Elemen Visual seperti Gambar atau Video dalam Menyampaikan Pesanan Keagamaan Melalui Instagram.

Apabila ditanya kepada beberapa orang pensyarah USIM yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi mengenai keberkesanan penggunaan elemen visual seperti gambar atau video dalam menyampaikan pesanan keagamaan melalui Instagram, mereka mengatakan bahawa perkara tersebut sangat berkesan terutama bagi individu yang mempunyai gaya belajar visual iaitu seseorang cenderung lebih efektif dalam memahami dan menerima informasi jika ia disajikan dalam bentuk gambar, carta, dan gambarrajah. Tambahan lagi generasi sekarang lebih berminat untuk melihat sesuatu maklumat berupa gambar atau video yang ringkas berbanding karangan yang panjang serta video yang mempunyai tempoh yang lama. Buktinya, telah terjadi banyak kejadian salah maklumat kerana pengguna lebih suka untuk membaca tajuk artikel sahaja berbanding isi kandungan sesuatu maklumat itu. Selain itu, video ceramah oleh cendekiawan agama yang telah disunting maklumat-maklumat penting di dalamnya supaya kelihatan ringkas dan padat di aplikasi Tiktok dan Instagram lebih mendapat tumpuan pada masa kini berbanding video asal ceramah tersebut di Youtube yang tempohnya mencecah berjam-jam.

Di samping itu, menurut pensyarah dari Fakulti Sains dan Teknologi iaitu Dr. Sakinah Ali, untuk menguji keberkesanan penggunaan elemen visual dalam menyampaikan pesanan keagamaan melalui Instagram adalah perlu untuk dilihat juga siapa audien sasaran akaun tersebut. Antara yang perlu diambil kira adalah kemampuan dari segi pelan internet audien itu untuk melihat kandungan yang akan dikongsikan. Ini kerana kandungan seperti video memerlukan seseorang untuk mempunyai pelan internet yang lebih banyak berbanding kandungan dalam bentuk gambar. Selain tempoh video, reka bentuk antara muka (interface) serta kapsyen yang menarik perhatian juga perlu diutamakan bagi memastikan kandungan yang dikongsikan itu sampai kepada pengikut.

Jenis Kandungan yang Paling Berkesan atau Diminati oleh Pengikut Akaun Instagram Hakaza Sunnah.


Hasil pemerhatian beberapa orang pensyarah USIM apabila ditemubual berkata bahawa jenis kandungan yang paling berkesan atau diminati oleh pengikut akaun Instagram Hakaza Sunnah adalah yang berkait isu semasa. Contohnya, siaran (post) tentang doa ketika gempa bumi telah mendapat 154 suakaan dan ia dikongsikan kerana terjadinya gempa bumi di Turki. Selain itu, siaran (post) yang berkait dengan puasa pada hari pertama Ramadhan lebih banyak sukaannya kerana semangat dan topik mengenainya masih disebut-sebut orang ramai berbanding poster pada akhir Ramadhan.

Di samping itu, kandungan yang mempunyai kaitan dengan perkara-perkara asas dalam bidang hadith atau ilmu hadith seperti maksud dan jenis-jenisnya di mana kandungan sedemikian rupa

telah mendapat ribuan sukaan di akaun Instagram Hakaza Sunnah. Menurut Dr Azuan yang merupakan salah seorang pensyarah yang telah diwawancara, ini adalah kerana ada di antara pengikut akaun Instagram tersebut merupakan orang awam yang tiada asas pengetahuan dalam bidang hadith dan mereka berminat untuk mengetahui ilmu baru tentang perkara tersebut dengan cara yang mudah dan santai.



Gambar 5: Contoh Poster Mengenai Doa ketika Gempa Bumi



Gambar 6: Contoh Poster Mengenai Perkara Asas dalam Bidang Hadith

Cadangan Penambahbaikan Reka Bentuk Interface dan Kandungan

Antara cadangan bagi penambahbaikan atau penyesuaian pada reka bentuk antara muka (interface) dan kandungan akaun Instagram Hakaza Sunnah yang telah dikemukakan oleh Prof. Dr. Sakinah Ali dan Dr Azuan ialah menambahkan lagi siaran-siaran (post) yang berkait dengan perkara asas dalam bidang hadith kerana mereka mempunyai pengikut dari pelbagai kumpulan masyarakat dimana ada dalam kalangan tersebut masyarakat yang tiada pengetahuan dan kesempatan untuk mempelajari asas bidang hadith. Siaran (post) seperti itu juga telah memperoleh sukaan yang memberangsangkan kerana pengikut dapat menambah ilmu baru.

Selain itu, pemilik akaun Hakaza Sunnah dinasihatkan untuk menyelidiki “three second rule” supaya poster yang dikongsikan dapat menarik perhatian pengikut kerana kajian menunjukkan

bahawa hanya tiga saat untuk penonton memutuskan sama ada mereka akan terus menonton atau terus gulir video dalam feed media sosial mereka. Oleh itu, akaun Hakaza Sunnah perlu membuat tiga saat pertama menjadi bermakna, atau mereka mungkin akan kehilangan minat penonton sasaran mereka. Di samping itu, saiz tulisan dalam poster yang mereka sebarkan juga perlulah ditingkatkan kerana golongan yang berumur tidak begitu minat untuk membaca kandungan yang bertulisan kecil. Ini kerana pandangan mereka adalah terhad disebabkan faktor umur.

Seterusnya, cadangan terakhir yang telah diberi adalah menambah “highlight” di profil Instagram mereka lalu membahagikannya mengikut kategori seperti doa-doa, asas dalam hadith serta zikir-zikir bagi memudahkan pengikut akaun ini untuk merujuk kembali siaran (post) yang dikongsikan pada bila-bila masa.

Rujukan

- Aina Najihah, Nor Izswana, Nur Fatihah . (2023). Sumbangan Ustaz Hanan Attaki berkaitan Hadith Melalui Media Sosial Aplikasi Youtube. *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)* , 970.
- Annisa Dahlila Angelina, Candra Wijaya, Haidir. (2023). The Influence of Instagram-Based Digital Literacy and Learning Interest on Learning Outcomes in the Subject of Al-Qur'an and Hadith. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan, Indonesia. *Journal of Education and Technology*, 78.
- Faradillah Iqmar Omar. (2015). Penerimaan Media Sosial sebagai Medium Dakwah dalam Kalangan Mahasiswa KUIS. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Journal of Management & Muamalah*, 31.
- Ghouri, S. A. (2017). *Pengenalan Ilmu Mustalah Al-Hadith*. Darul Syakir Enterprise.
- Muhammad Ajmal, Iftikhar, Muhammad Zharif. (2022). Kandungan Al-Quran dan Hadis di TikTok: Tinjauan Persepsi Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *PASAK* 7, 1051.
- Muhammad Naqib, Muhammad Shamel, Mohamad Syahmi. (2023). Pengajian Hadis 40 Melalui Saluran Youtube oleh Dr Rozaimi Ramlee. *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)* , 713.
- Mohammad Hidayaturrahman, D.I. Ansusa Putra. (2019). The Role of Technology and Social Media in Spreading the Quran and Hadith by Mubalig. Indonesia. *Academic Journal of Islamic Studies*, 45.
- Nikita Nur Zulaech, Hafidz, Biela Nanda Oktivibi Pertiwi, Husna Nashihin. (2023). Pemanfaatan Media Sosial sebagai Dakwah Digital dalam Penyiaraan Agama Kalangan Kaum Milenial di Instagram (Ustadz Hanan Attaki). Institut Agama Islam Nahdlatul Ulama Temanggung, Indonesia. *Attractive : Innovative Education Journal*, 534.
- Nur Ainul Mardhiah, Nadhiratul Amirah, Farha Izzati, Maisarah Saidin. (2023). Keberkesanan Aplikasi Jami' Al-Kutub At-Tis'ah dalam Kajian Hadis di Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kotemporari (JOIRC)*, 74.
- Nur Muazzah binti Malik, Izzati Mohd Yaziz, Nur Syamimi Azman. (2023). Pembelajaran Ilmu Tajwid Melalui Laman Instagram @hazwaniche. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kotemporari (JOIRC)*, 119.
- Nur Syazwani Mohd Fadzilla, Sulwani Salee, Muna Izzah Azhar, Maisarah Saidin. (2023). Kajian Kesahihan Hadith dalam Aplikasi Tiktok. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kotemporari (JOIRC)*, 158.
- Shahril Nizam, Norazmi Anas, Ishak Sulaiman, Anaztasia Natasha, Amin Che Mat. (2021).

- Pemeliharaan Hadis dalam Era Revolusi 4.0 (IR 4.0): Isu dan Cabaran. *Journal of Social Science (EJOS)*, 95.
- Shelly Alvareza Zazkia. (2022). Persepsi dan Pengaruh Belajar Ilmu Agama Islam Melalui Sosial Media Youtube Dan Instagram Terhadap Religiositas Mahasiswa Jurusan Pendidikan Biologi UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. *Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta*. 13.
- Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, A.Irwan Santeri Doll Kawaid, Norhasnira Ibrahim. (2019). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Ulum Hadith di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). *Universiti Sains Islam Malaysia. International Conference of Aqli and Naqli*, 1.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Noornajihan Jaafar, Mohd Zohdi Mohd Amin. (2015). Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM. *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 194.
- Uswatun Hasanah. (2023). Study of Instagram's Efforts to Maintain Hadith Authenticity on Media Social. *Universitas Islam Negeri raden Fatah Palembang. International Conference on Tradition and Religious Studies*, 143.
- Zharif Farhan bin Abdul Kadzir Ruslan, N. A. (2023). *Sejarah Ilmu Hadis hingga ke Era Ict serta Manfaat Aplikasi SemakHadis terhadap Pelajar*. Retrieved from USIM Research Repository System: <https://shorturl.at/kDOTV>